



06 FEB, 2026

Paras air Tasik Temengor, Bukit Merah rendah



Sinar Harian, Malaysia

Paras air Tasik Temengor, Bukit Merah rendah

IPOH - Paras air Tasik Temengor berada pada tahap rendah susulan kekurangan kemasukan air semula jadi dari kawasan tadahan akibat taburan hujan yang berkurangan sejak beberapa bulan lalu.

Exco Infrastruktur, Tenaga, Air dan Pengangkutan Awam Perak, Datuk Seri Mohammad Nizar Jamaluddin berkata, hasil pemantauan bersama Tenaga Nasional Berhad (TNB) mendapati keadaan tersebut telah memberi kesan rantaian kepada sistem empangan Sungai Perak, termasuk empangan di hilir.

Menurut beliau, empangan Tasik Bersia, Tasik Kenering dan Tasik Chenderoh hampir berada pada paras operasi minimum, sekali gus menjejaskan keupayaan pelepasan air ke hiliran sekitar 100 hingga 120 meter padu sesaat bagi memastikan kestabilan paras



Paras air Tasik Temengor berada pada tahap rendah susulan kekurangan kemasukan air semula jadi dari kawasan tadahan.

empangan.

"Had pelepasan ini perlu bagi mengelakkan takungan empangan memasuki zon operasi kritikal serta memastikan kesinambungan aliran Sungai Perak terus terpelihara.

"Kekangan pelepasan berpotensi memberi implikasi lebih meluas, antaranya sokongan ope-

rasi penjanaan Stesen Janakuasa Janamanjung yang menyumbang kira-kira 25 peratus keperluan tenaga Semenanjung Malaysia," katanya dalam kenyataan media pada Khamis.

Sementara itu, di Georgetown, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) memohon pengguna air di negeri ini supaya meng-

gunakan air secara berhemah sepanjang Februari berikutan cuaca panas dan kering sedang melanda.

Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP dan PBA Holdings Berhad, Datuk K Pathmanathan berkata, taburan hujan yang sangat rendah direkodkan di kawasan tadahan air empangan utama negeri sekali gus memberi tekanan kepada sumber air mentah.

Menurutnya, dari 1 Januari hingga 4 Februari, hanya 17.5 milimeter (mm) hujan direkodkan di kawasan Empangan Air Itam manakala Empangan Teluk Bahang mencatatkan 5.5mm hujan sahaja.

"Situasi ini diburukkan lagi apabila paras Sungai Muda di muka sauk Lahar Tiang berada di bawah paras 2 meter selama 19 hari berturut-turut pada Januari lalu dan berterusan sehingga awal Februari," katanya dalam kenyataan pada Khamis.